



KENYATAAN MEDIA

HARI BERSAMA KOMUNITI PUSAT EKONOMI DIGITAL BANDAR TUN RAZAK MENINGKATKAN TARAF HIDUP DAN MOBILITI SOSIAL PENDUDUK

CYBERJAYA

14 OKTOBER 2023

Suruhanjaya Komunikasi dan Multimedia Malaysia (MCMC) hari ini telah menjayakan Hari Bersama Komuniti (HBK) di Pusat Ekonomi Digital (PEDi), yang bertempat di Perumahan Awam Seri Sabah 3A, Bandar Tun Razak. HBK kali ini dirasmikan YB Dato' Seri Dr. Wan Azizah Binti Wan Ismail, Ahli Parlimen Bandar Tun Razak.

Ketika ini terdapat 911 PEDi di seluruh negara yang menyediakan peluang untuk golongan sasar meningkatkan taraf sosioekonomi dan memperkasakan komuniti kearah pendigital yang inovatif dan berdaya saing.

Di Kuala Lumpur sahaja, sebanyak 21 PEDi telah diwujudkan sehingga kini dan Perumahan Awam Seri Sabah 3A merupakan satu-satunya PEDi yang wujud di Bandar Tun Razak. Sejak penubuhannya pada tahun 2017 hingga 30 September 2023, lebih daripada 7,123 penyertaan latihan telah direkodkan.

YB Dato' Seri Dr. Wan Azizah berkata, “Besar harapan saya agar kewujudan PEDi menjadi pemangkin kepada kepesatan transformasi pendigitalan dan menjadikan penggunaan teknologi digital sebagai satu budaya dalam kalangan komuniti di seluruh negara dan di Parlimen Bandar Tun Razak sendiri.”

Beliau turut menggesa agar masyarakat setempat terutamanya usahawan dan golongan muda yang membentuk 30 peratus daripada jumlah keseluruhan penduduk di Bandar Tun Razak yang kini berjumlah 191,000 orang, merebut peluang keemasan bagi mengikuti latihan dan program yang ditawarkan oleh PEDi untuk mendalami bidang ekonomi digital dan menggunakan sebagai platform untuk memajukan diri.

YB Dato' Seri Dr. Wan Azizah juga dalam ucapannya turut memetik beberapa usahawan di bawah latihan PEDi yang telah berjaya. Antaranya ialah Encik Zulamirul Ainuddin yang merupakan seorang usahawan tempatan yang terlibat dengan perniagaan bidang Kopi dan *Bouquet*. Kini beliau memiliki jenama Kopi sendiri, REN Coffee, dengan peningkatan pendapatan bulanan yang kurang daripada RM300.00 kepada RM1,800.00.

Bagi Puan Rogayah Dahlan pula, hasil bimbingan yang diterimanya di PEDi telah membolehkan produk makanan yang diusahakan kini dipasarkan secara meluas dan jumlah pendapatan bulanan beliau mencecah RM1,500 berbanding dengan hanya RM50 sebelum ini.

Selain platform untuk meningkatkan sosioekonomi setempat, PEDi juga boleh dimanfaatkan oleh komuniti untuk memahami isu-isu berkaitan dengan kandungan memudaratkan seterusnya memainkan peranan untuk melaporkan sebarang penyebaran kandungan sedemikian di media sosial.

KOMUNIKASI KORPORAT MCMC

Suruhanjaya Komunikasi dan Multimedia Malaysia | Malaysian Communications and Multimedia Commission
MCMC Tower 1, Jalan Impact, Cyber 6, 63000 Cyberjaya, Selangor MALAYSIA
T: + 60 3 86 88 80 00 | F: + 60 3 86 88 10 00 | E: scd@mcmc.gov.my | W: www.mcmc.gov.my



Suruhanjaya Komunikasi
Dan Multimedia Malaysia



MCMC_RASMI



SKMM_MCMC



MCMCTV